

PENAFSIRAN AL-QUR'AN: KAJIAN DARI BERBAGAI DEMENSI¹

oleh
Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab

Abstract

The explanatory translation of the Quran has been made in various dimentions till the contemporary moment. The current study attempts to analyse the development by focusing on tafsir bi al-Ma'thur and tafsir bi al-Ra'y to tafsir tahlili, muqaran and maudu'iy.

Pendahuluan

Kajian Usuluddin, sedikit atau banyak berbeda dengan kajian lainnya. Perbezaan tersebut adalah akibat logik dari perbezaan nama, yang tentunya membawa kepada perbezaan sifat bahkan tujuan kajian. Ciri khas dan keistimewaan Usuluddin, dapat ditemukan dari celah-celah nama tersebut.

Kalau kita sependapat dengan Sheikh Mahmud Syaltut Pemimpin tertinggi Al-Azhar itu, yang membagi Islam kepada Aqidah dan Syariah, dan sepakat pula memahami erti "Aqidah" sebagai prinsip-prinsip ajaran agama, maka ini bererti bahawa kajian Usuluddin bercirikan kajian tentang prinsip-prinsip ajaran Islam. Demikian juga jika dikatakan bahawa hukum, merupakan inti kajian syariah sedang hukum-hukum harus berlandaskan Usul, (Prinsip-prinsip pokok) maka ini bererti bahawa para pengajar dan alumni kajian Usuluddin, memiliki potensi pemahaman yang kuat terhadap prinsip-prinsip tersebut dan dengan demikian mereka seharusnya memiliki pula kemampuan mengembangkan pemikiran-pemikiran baru yang tidak bertentangan dengan Usuluddin. Apa yang dikemukakan di atas terbukti antara lain dari ditekankannya pembahasan yang berkaitan dengan dasar-dasar agama Islam, seperti Tafsir, Hadith, Aqidah, Falsafah, Perbandingan Agama dan lain-lain.

Dengan kata lain, para alumni Fakulti/peminat kajian Usuluddin memiliki potensi aktual menyangkut pengetahuan yang dalam dan mendasar tentang ajaran

¹ Artikel ini ialah sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Pengajian Usuluddin '96 di Universiti Malaya pada 4 - 6 Oktober 1996. Ia disesuaikan dengan sedikit pindaan untuk diterbitkan dalam Jurnal Usuluddin ini -*Penyunting*

agama secara umum dan Islam secara khas, sehingga dari mereka diharapkan lahir pembaharuan pemikiran yang berlandaskan Usuluddin yang ditopang oleh wawasan yang luas, kemampuan menimbang, menilai dan pada akhirnya mentoleransi berbagai pendapat yang tidak bertentangan dengan Usuluddin salah satu cara yang terpenting guna mencapai sasaran tersebut adalah mempelajari secara luas dan bersungguh-sungguh al-Qur'an dan al-Hadith. Bukankah al-Qur'an dan al-Hadith merupakan dua sumber pokok ajaran Islam? Bukankah al-Qur'an pada haikatnya menempati posisi sentral dalam studi-studi keislaman.

Fungsi Al-Qur'an Dan Syarat Penafsiran

Al-Qur'an di samping berfungsi sebagai "Hudan" juga sebagai "Furqan" sehingga ia menjadi pokok ukur dan pembeza antara kebenaran dan kebatilan termasuk dalam penerimaan dan penolakan setiap berita yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Keberadaan al-Qur'an di tengah-tengah umat Islam sebagai Hudan dan Furqan mendorong mereka berusaha memahami petunjuk dan mukjizat-mukjizatnya, dan ini, pada gilirannya mengantar kepada lahirnya sekian banyak disiplin ilmu keislaman serta metode-metode penelitian dimulai dengan disusunnya kaedah-kaedah ilmu Nahu oleh Abu Aswad Al-Du'ali, sampai dengan lahirnya Usul al-Fiqh oleh Imam Al-Syafi'i (767 - 820 M.) bahkan hingga kini dengan lahirnya berbagai tafsir dan metode penafsiran al-Qur'an.

Di sisi lain kaum terpelajar muslim mempelajari berbagai disiplin ilmu, antara lain terdorong oleh keinginan memahami petunjuk, informasi dan mukjizat al-Qur'an, kerana al-Qur'an yang berbicara tentang berbagai aspek kehidupan serta mengemukakan beraneka ragam masalah yang merupakan pokok-pokok bahasan berbagai disiplin ilmu, tidak dapat difahami secara baik dan benar tanpa mengetahui hasil-hasil penelitian dan studi pada bidang-bidang yang dipaparkan al-Qur'an itu.

Syekh Muhammad Abduh menegaskan sebagaimana ditulis oleh muridnya Rasyid Ridha dalam Muqaddimah Tafsir Al-Manar:

"Saya tidak mengetahui bagaimana seseorang dapat menafsirkan firman Allah s.w.t dalam Q.S. 2:213 (Manusia tadinya umat yang satu, kemudian (mereka berselisih sehingga) Allah mengutus kepada mereka nabi-nabi, menjadi pembawa berita gembira dan peringatan" (dan seterusnya) padahal dia tidak memahami keadaan umat manusia (sejarah dan sosiologi) dan bagaimana mereka bersatu serta bagaimana pula mereka bercerai/berselisih. Apa makna kesatuan yang pernah mereka alami itu, apakah

bermanfaat atau merosak, dan apa pula akibat-akibat dari diutusnya para Nabi”.

(Al-Manar Jilid 1 hal. 23)

Kalau syarat memahami dan menafsirkan ayat yang berbicara tentang sejarah dan masyarakat tersebut adalah pengetahuan sejarah dan sosiologi, maka tentunya ayat-ayat yang berbicara tentang astronomi, embriologi, ekonomi dan sebagainya, diperlukan pula pengetahuan tentang disiplin ilmu yang berkaitan dengannya.

Menurut pandangan saya, kini - dengan perkembangan ilmu yang demikian pesat, serta besarnya minat dalam mempelajari al-Qur'an, - perlu digalakkan kerjasama yang kukuh dengan berbagai pakar/ahli dalam berbagai disiplin ilmu, agar penafsiran al-Qur'an dapat lebih baik dan lebih sesuai lagi dengan umat manusia dewasa ini.

Di sisi lain perlu juga dirumuskan kembali syarat-syarat penafsir al-Qur'an, sehingga dari satu sisi tidak “menghambat ilmuan” untuk mempelajari dan mengemukakan pendapatnya tentang kitab suci, dan dari sisi lain dapat menjamin kesucian, dan kemurnian kitab suci serta kebenaran penafsiran. Belasan syarat yang dikemukakan oleh Imam Al-Suyuthi dalam al-Itqan misalnya, sungguh sangat “menakutkan” ilmuan, padahal mereka mengetahui bahawa al-Qur'an sendiri menyatakan:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿٣٢﴾

Sesungguhnya Kami telah mempermudah al-Qur'an untuk menjadi peringatan. Maka adakah yang hendak mengingat?

(Al-Qamar 54:32)

Dalam buku saya “Membumikan al-Qur'an” saya singgung sebab-sebab kekeliruan penafsiran - yang sekaligus dapat mengisyaratkan syarat-syarat yang harus dimiliki oleh seorang mufassir, antara lain:

- a. Subjectivi dari Penafsir.
- b. Kekeliruan dalam menerapkan metode.
- c. Kedengkelan pengetahuan tentang ilmu-ilmu alat.
- d. Kedengkelan pengetahuan tentang materi pembicaraan ayat.
- e. Tidak memperhatikan konteks, baik Asbab al-Nuzul, hubungan antara ayat, maupun kondisi sosial masyarakat.
- f. Tidak memperhatikan siapa pembicara (dalam ayat yang ditafsirkan) dan terhadap siapa ayat itu ditujukan.

Corak-Corak Penafsiran

Redaksi ayat-ayat al-Qur'an sebagaimana setiap redaksi yang diucapkan atau ditulis, tidak dapat dijangkau maksudnya secara pasti, kecuali oleh pemilik redaksi itu. Inilah antara lain yang menimbulkan keanekaragaman penafsiran. Para sahabat Nabi s.a.w pun, yang menyaksikan turunnya al-Qur'an, mengetahui konteks ayat-ayatnya, dan memahami secara amat baik struktur bahasa dan erti kesekatanya, tidak jarang berbeza pendapat atau bahkan keliru dalam memahami maksud firman-firman Allah yang mereka dengar atau baca itu. Dari sini para ulama - antara lain Husayn al-Dhahabi - menggaris bawahi bahawa tafsir adalah "Penjelasan tentang erti atau maksud firman-firman Allah sesuai dengan kemampuan manusia (*mufasssir*)".² dan bahawa: "Kepastian erti satu kata atau ayat tidak mungkin atau hampir tidak mungkin dicapai kalau pandangan hanya tertuju kepada kesekata atau ayat tersebut secara berdiri sendiri".³

Rasulullah s.a.w mendapat tugas untuk menjelaskan maksud firman-firman Allah itu⁴. Tugas ini memberi petunjuk bahawa penjelasan beliau pasti benar. Hal itu didokong oleh bukti-bukti antara lain dengan adanya teguran-teguran yang ditemukan dalam al-Qur'an menyangkut sikap atau ucapan beliau yang dinilai Allah s.w.t "kurang tepat" yang pada akhirnya mengantar kita berkesimpulan bahawa beliau "*ma'sum*" (terpelihara dari dosa dan kesalahan).

Dari sini mutlak bagi seorang penafsir untuk memperhatikan hadith-hadith Rasulullah s.a.w dalam rangka memahami dan menafsirkan firman-firman Allah, agar tidak terjadi penafsiran yang bertentangan dengan penjelasan Rasulullah s.a.w itu.

Namun harus digaris bawahi bahawa sebahagian dari penjelasan Nabi itu, ada yang merupakan contoh yang beliau angkat dari masyarakatnya, ada juga yang beliau sesuaikan dengan kondisi sosial beliau, sehingga dalam hal-hal seperti ini, masih dapat dikembangkan oleh dan buat mereka yang hidup sesudah masa beliau. Misalnya ketika beliau menafsirkan ayat ketujuh surah al-Fatihah *المغضوب عليهم* "*al-Maghduub 'alaihim*" dengan "*orang-orang Yahudi*" atau menafsirkan kata *القوة* (al-Quwwah) dalam surah. al-Anfal 8:60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ

dengan: "*panah*".

² *Al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*, jilid I hal. 59

³ *Al-Syatibi, al-Muwafaqat*, jilid 11 hal. 35

⁴ Q.S.16:44

Dari huraian di atas, ada baiknya kita menoleh sejenak kepada persoalan Tafsir Bi al-Ma'thur.

Dewasa ini tidak seorang pakar atau ulama muktabar pun yang menolak ide dasar pendapat yang menyatakan bahawa metode "Ma'thur" yakni "memahami/menafsirkan ayat al-Qur'an dengan ayat yang lain, atau dengan hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w dan pendapat para sahabat" merupakan metode yang terbaik, namun permasalahan yang dikandung oleh pendapat di atas tidak luput dari kekurangan yang masih memerlukan pemikiran yang serius.

Pertanyaan-pertanyaan yang dapat muncul antara lain:

Siapa yang berwenang menetapkan bahawa ayat A ditafsirkan oleh ayat B? Apakah Rasulullah s.a.w sendiri atau juga para sahabat bahkan ulama-ulama sesudahnya? Apa kriteria yang harus dikandung oleh masing-masing ayat untuk maksud tersebut? Sejauh mana penafsiran Nabi s.a.w dapat dikembangkan.

Penafsir Syiah at-Thabathabai misalnya dalam tafsirnya al-Mizan berpendapat bahawa yang dimaksud dengan: المَطْهُورُونَ (al-Muthahharun) dalam firman Allah pada Q.S. al-Waqi 'ah 56:79:

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

adalah "Ahlul Bait" dengan merujuk kepada firman Allah dalam surah al-Ahzab 33:33:

Ibnu Kathir ketika menyatakan bahawa yang dimaksud dengan kata (al-Kitab) pada firman Allah dalam Q.S. al-An 'am 6:38.

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

adalah Allauh al-Mahfuz, dengan mengaitkan ayat tersebut dengan firman-Nya dalam surah Hud 11:6.

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلُكُمْ مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ وَنُورًا إِلَى رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٧٨﴾

Tidak sedikit mufassir lain yang berpendapat bahawa al-Kitab di sini adalah al-Qur'an. Pendapat mereka itu dapat juga dikuatkan dengan Q.S. al-Ankabut: 50-51.

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلِّ
فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٦﴾

Kita dapat setuju atau tidak, dengan pendapat-pendapat di atas, tetapi persoalannya adalah: “Apakah dasar pemilihan ayat penafsir itu?” Tanpa adanya dasar, maka bisa terjadi kesimpangsiuran penafsiran seperti yang tergambar di atas, dan masing-masing dapat berkata bahwa penafsirannya lebih benar dan lebih berdasar ayat-ayat al-Qur’an dan ketika itu bisa terjadi penafsiran ulama yang menggunakan ayat al-Qur’an, menempati posisi yang lebih tinggi dari penafsiran Rasulullah s.a.w. Bukankah para ulama terdahulu menyatakan bahwa “Peringkat tertinggi dari tafsir adalah penafsiran ayat dengan ayat, baru kemudian disusul dengan penafsiran Rasul s.a.w (hadis) dan terakhir adalah penafsiran para sahabat?

Salah satu tolok ukur yang ditawarkan adalah memerhatikan penggunaan al-Qur’an terhadap kata-kata yang digunakan dalam masing-masing ayat serta konteks penggunaan kata tersebut.

Bint Al-Syathi’ dalam bukunya *At-Tafsir Al-Bayaani Lil Qur’anil Karim*, memperagakan kebolehnya dalam hal di atas.

Penafsiran yang menggunakan corak-corak tafsir Bir’raiy, juga tidak sedikit permasalahannya.

Tidak dapat disangkal bahawa al-Qur’an diturunkan untuk seluruh manusia kapan dan di manapun mereka berada, dan bahawa pemahaman seseorang bukan saja dipengaruhi oleh tingkat kecerdasannya, tetapi juga oleh kondisi sosial politik masanya, dan kemajuan serta perkembangan ilmu pengetahuan.

Al-Qur’an mengakui adanya perubahan sosial, bahkan ditemukan banyak ayat yang berbicara tentang hal ini antara lain bahawa sifat masyarakat Islam, terus berkembang ke arah positif,⁵ dan bawa setiap masyarakat mempunyai batas-batas usia⁶ dan bahawa masyarakat dalam perkembangannya mengikuti satu pola yang tetap (hukum-hukum kemasyarakatan/sunnatullah) yang tidak berubah:

فَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَحْوِيلًا ﴿٤٢﴾

⁵ Al-Syura 42:29

⁶ Al-Syura 42:29

Perubahan-perubahan yang terjadi itu, terutama disebabkan oleh manusia, baik akibat potensi negatif yang dimilikinya, maupun potensi positifnya. Kerana adanya potensi negatif itu, maka tidak setiap perubahan sosial dapat dijadikan dasar pertimbangan dalam menarik kesimpulan pemahaman atau penafsiran terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Walaupun harus diakui bahawa pada dasarnya dalam masalah-masalah ibadah dan yang tidak terjangkau oleh fikiran manusia, perintah dan tontonan agama harus diterima sebagaimana bunyi teksnya, sedang dalam masalah-masalah sosial, terlebih dahulu harus diperhatikan erti kandungan dan maksudnya.⁷

Keadaan yang tidak jauh berbeza adalah penafsiran al-Qur'an berdasar perkembangan ilmu dan penemuan-penemuannya.

Ada ulama berpendapat bahawa "Syariat" (al-Qur'an dan Hadith) harus difahami berdasar pemahaman masyarakat pada masa turunnya al-Qur'an. Pandangan ini jika disetujui - menghalangi seseorang memahami al-Qur'an dan menafsirkannya berdasar perkembangan ilmu, yang sedemikian pesat kemajuannya setelah masa turunnya al-Qur'an. Pandangan ini tentunya tidak dapat diterima, lebih-lebih jika kita menyedari bahawa al-Qur'an bercakap-cakap pula dengan generasi sesudahnya. Adalah mustahil menjadikan semua orang berfikir seperti cara berfikir para sahabat Nabi s.a.w dahulu kala.

Ketika ilmu pengetahuan membuktikan secara pasti bahawa bumi kita bulat, maka mufassir masa kini tidak akan memahami dan menafsirkan. Firman Allah:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ بِسَاطًا

*Dan Allah jadikan bumi untukmu sebagai hamparan.*⁸ bahawa bumi ini diciptakan Allah terhampar - kerana keterhamparan bertentang dengan kebulatan, tetapi dia akan memahami bahawa keterhamparan di maksud adalah terlihat dan disaksikan oleh sesiapaupun yang melangkahakan kakinya di permukaan bumi ini, - bukan dalam erti "diciptakan" apalagi redaksi tersebut bukan *خلق* (*menciptakan*) tetapi *جعل* (*menjadikan untuk diambil manfaatnya*). Namun demikian, perlu pula dicatat bahasa tidak semua perkembangan ilmu harus ditampung oleh penafsiran al-Qur'an, apalagi jika hal tersebut tidak dikandung oleh teksnya.

Tidak dapat disangkal bahawa angin berfungsi antara lain "mengawinkan tumbuh-tumbuhan". Tetapi apakah hakikat ilmiah ini, dapat dikuatkan dengan firman Allah dalam Q.S. al-Hijr 15:22

⁷ Al-Syatibi, 11 hal. 300

⁸ Al-Syatibi 11, hal. 300

وَأَرْسَلْنَا الرِّيحَ لَوْفِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا أَنْتُمْ
لَهُ بِمُحْسِنِينَ ﴿٢٢﴾

Hemat penulis memahami kata “lawaqih” dengan mengawinkan tumbuh-tumbuhan, sama sekali tidak dapat dibenarkan. Ini, kerana lanjutan kata tersebut adalah: *فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً* “maka kami turunkan air dari langit”. Huruf Fa’ yang diterjemahkan “maka” tentu mengandung hubungan sebab dan akibat, atau perurutan dengan kalimat sebelumnya, dalam erti fungsi/peranan angin menjadi “lawaqih” mendahului dan mengakibatkan turunnya hujan. Jika kata lawaqih diertikan mengawinkan tumbuh-tumbuhan, maka dimanakah letak hubungan sebab dan akibat, serta perurutan itu?

Metode-metode Tafsir

Bermacam-macam metodologi tafsir yang diperkenalkan dan diterapkan oleh pakar-pakar al-Qur’an. Namun secara garis besar - mengikuti pandangan al-Farmawi - metode-metode itu dapat dibagi dalam empat macam. Tahlili, Ijmali, Muqaran dan Mauwdu’iy.⁹

Selama ini yang sangat popular adalah metode tahlili, iaitu satu metode yang “mufassirnya berusaha menjelaskan kandungan al-Qur’an dari segala seginya dengan mengikuti perurutan ayat-ayat sebagaimana dalam mushaf al-Qur’an. Segala segi yang dianggap perlu oleh mufassirnya, dihidangkan, bermula dari erti mufradaat/kesekatan, Asbab an-Nuzul Munasabah (hubungan ayat), sampai kepada kandungan ayat-ayat yang ditafsirkan - semuanya sesuai dengan kecenderungan dan keahliannya.

Metode ini dikritik oleh sekian banyak pakar. Malik bin Nabi misalnya - menilai bahawa para ulama ketika menggunakan metode ini, bermaksud meletakkan dasar-dasar rational bagi pemahaman dan pembuktian mukjizat al-Qur’an dan yang kini pembuktian melalui jalur bahasa tidak lagi dapat dirasakan walau oleh orang-orang Arab sekalipun.¹⁰

Muhammad Baqir as-Shader ulama Syiah terkemuka, menilai bahawa metode tersebut telah melahirkan pandangan-pandangan sepenggal-penggal, serta kontradiktif dalam kehidupan umat Islam.¹¹

⁹ Lihat, *al-Bidayah Fi al-Tafsir al-Mawdu’i*, (Kaherah, 1977)

¹⁰ *Al-Zahirah al-Qur’aniyah*, (Dar al-Fikr, tp.th) hal. 58.

¹¹ *Al-Sunan al-Taarikhiyah fi al-Qur’an al-Karim*, (Beirut : Dar al-Ta’ruf 1980), hal. 12

Dapat ditambahkan bahawa para penafsir yang menggunakan metode ini, tidak jarang hanya berusaha menemukan dalil-dalil pembenaran pendapatnya dengan ayat-ayat al-Qur'an. Selain itu terasa pula bahawa metode ini tidak mampu memberi jawaban tuntas terhadap persoalan-persoalan yang dihadapi, dan tidak juga memberikan pagar-pagar metodologi yang dapat mengurangi subjektivitas mufassirnya. Kelemahan lain yang dirasakan dalam tafsir-tafsir yang menggunakan metode ini adalah bahawa bahasan-bahasannya dirasakan "mengikat" kerana sifat penafsirannya yang sangat teoritis, dan seringkali tidak menyentuh problem-problem yang sedang dialami oleh masyarakat masa kini, sehingga huraian teoritis itu menegaskan itulah pandangan al-Qur'an untuk setiap waktu dan tempat.

Tentu saja kritik-kritik tersebut bisa didiskusikan kebenarannya, dan tentu pula metode ini tidak semuanya kelemahan. Masih sangat banyak keistimewaannya, bahkan agaknya kita tidak dapat mengabaikan begitu saja informasi-informasi yang diberikan walaupun kita akan menggunakan metode yang lain, seperti misalnya metode Maud'huiy, suatu metode penafsiran terbaru dan yang dinilai sebagai berupaya mengurangi kelemahan-kelemahan metode sebelumnya, sekaligus sesuai dengan perkembangan masyarakat yang ingin segera mengetahui tontonan al-Qur'an secara sempurna.

Penutup

Demikian, sekelumit yang dapat penulis kemukakan dalam kesempatan yang sangat berbahagia ini. Penulis sedar bahawa masih banyak dimensi dan persoalan Tafsir al-Qur'an yang dapat diangkat. Dari hari ke hari al-Qur'an membuktikan dirinya "*tidak lekang oleh panas dan tidak pula lapuk oleh hujan*" Tidak habis keajaiban dan infomasinya sebanyak apapun pengkaji-pengkajinya sebagai bukti kebenaran janji-Nya:

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ

"Bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah"

Kemurahan-Nya mengantar setiap yang mengkaji dengan tulus dan bersungguh-sungguh ayat-ayat Allah yang termaktub dalam al-Qur'an akan memperoleh wawasan dan pandangan baru, sama halnya dengan mereka yang mengkaji ayat-ayat Allah yang terbentang di alam raya.

Penulis juga sedar bahawa kertas kerja ini, jauh dari kesempurnaan, namun diharap para peserta Seminar dapat meluruskan dan menyempurnakannya. Semoga Allah membimbing kita sekalian serta melimpahkan taufiq dan hidayah-Nya. Amin.

